

# Syarikat kereta tentukan sendiri harga kenderaan

**K**UALA LUMPUR 24 Okt. — Kerajaan akan "membenarkan pengimport dan pemasang kereta membuat sendiri keputusan sama ada mereka mahu menurunkan harga walaupun struktur cukai untuk semua jenis kenderaan telah dikurangkan di bawah Rangka Dasar Automotif Nasional (DAN), kata Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

"Cukai akan dikurangkan sebanyak empat hingga tujuh peratus, tetapi ianya terpulang kepada pengimport dan pemasang kereta sama ada mereka mahu mengurang atau menaikkan harga, semuanya terpulang kepada mereka," kata beliau.

'Tetapi secara dasarnya, menurut pengiraan kami,

beberapa harga kereta mungkin lebih tinggi berasaskan kepada struktur cukai baru, tetapi untuk kebanyakan kereta, harganya menurut pengiraan kami, lebih rendah sebanyak empat hingga tujuh peratus," kata beliau selepas pengumuman pembentangan Kementerian Kewangan mengenai Bajet 2006 di sini hari ini.

Nor Mohamed berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Persatuan Automotif Malaysia (MAA) yang harga-harga kereta tidak akan turun.

Presiden MAA Datuk Aishah Ahmad berkata, harga-harga kereta tidak akan dikurangkan kerana banyak syarikat kereta masih lagi mempunyai stok lama dan ia merupakan satu kebetulan dalam struktur duti bagi

kenderaan di kategori 1,800cc.

Sebagai contoh, beliau berkata, harga Toyota Avanza boleh meningkat sehingga sebanyak RM4,000 kerana caj dalam struktur cukai.

"Saya telahpun baca kenyataan oleh MAA yang mereka tidak akan menurunkan harga kereta. Terpulanglah kepada mereka. Ini adalah pasaran bebas," kata Nor Mohamed.

Menurut beliau, kerajaan tidak akan memaksa syarikat-syarikat kereta menurunkan harga sebab mereka mungkin mempunyai alasan yang kukuh.

"Terpulanglah kepada mereka kerana mungkin ada beberapa kos atau margin lain yang terlibat," kata beliau.

"Struktur cukai sedemiki-

an tidak sepatutnya menyebabkan sebarang peningkatan harga. Malah, terdapatnya sedikit penurunan dalam harga. Tetapi sekali lagi, terpulanglah kepada mereka untuk membuat keputusan," tambah beliau.

Di bawah rangka dasar DAN, duti import untuk kenderaan penumpang baru dari Asia Tenggara direndahkan daripada 20 peratus hingga 15 peratus sementara tarif dikurangkan daripada 50 peratus hingga 30 peratus untuk kenderaan dari rantau lain.

Duti eksais untuk kereta penumpang sehingga 1,800cc, yang menguasai kira-kira 80 peratus daripada jumlah jualan industri, dikurangkan kepada 80 peratus daripada 90 peratus. — Bernama